

07 AUG 1997

Mahathir-IKS

CONTOHI JEPUN DAN KOREA BANGUNKAN IKS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara-negara ASEAN supaya mempelajari daripada negara-negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea untuk mewujudkan hubungan antara-firma dengan rakan niaga yang lebih besar.

Beliau berkata hubungan tersebut penting bagi memastikan landasan ekonomi industrialisasi yang lebih kukuh dalam menyediakan pasaran serta peluang-peluang bagi pemindahan teknologi yang melampaui sempadan dan perkongsian kepakaran teknikal.

"Tidak seperti di sesetengah negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea, IKS di kebanyakan negara ASEAN masih lemah dari segi hubungan antara-firma dengan rakan-rakan niaga yang lebih besar. Oleh itu menjadi tugas mereka untuk belajar daripada negara-negara tersebut dan cuba mengguna dan melaksanakan strategi untuk memenuhi keperluan negara masing-masing," katanya semasa merasmikan Forum Perniagaan ASEAN-Asia Timur di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau berkata apabila tibanya alaf baru, IKS perlu memikul peranan lebih besar dan lebih penting dalam mengukuhkan dan meningkatkan ekonomi negara-negara ASEAN dan Asia Timur.

Perdana Menteri berkata desakan-desakan bagi meliberalisasikan pasaran, perdagangan dan ekonomi global, akan mewujudkan banyak peluang dan cabaran kepada IKS.

Katanya, IKS tidak seharusnya tertumpu kepada pembinaan kepakaran keusahawanan sahaja tetapi perlu kompetitif dalam pasaran yang dinamik.

Dr Mahathir berkata IKS perlu peka dan mengikuti perubahan-perubahan yang berlaku dalam iklim perniagaan antarabangsa dan mampu mengeluarkan dan mengeksport produk bertaraf dunia supaya kekal kompetitif.

IKS juga perlu menjalankan ciri-ciri pengeluaran dan pemasaran global, membuat pelaburan dalam teknologi yang tepat dan proses yang boleh menyumbang kepada pengeluaran yang efisien serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menghasilkan produk baru dan meningkatkan produk serta mengadakan promosi dan pemasaran produk dan perkhidmatan untuk mendapat pasaran yang bermakna, katanya.

Dr Mahathir berkata IKS mesti bersedia untuk menghadapi cabaran untuk menghadapi persaingan dan menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan ini selari dengan perubahan-perubahan yang berlaku di dunia dari segi persaingan, cara-cara menjalankan perniagaan dan perubahan dalam suasana perdagangan dan pelaburan.

Beliau berkata daya saing IKS tidak lagi boleh bergantung kepada kecekapan kos sahaja, atay yang sama penting adalah kemampuan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi dan mempunyai lebih nilai tambah di pasaran antarabangsa dengan harga yang kompetitif.

Katanya IKS menyumbang kepada lebih 80 peratus ekonomi di seluruh dunia dan yang demikian memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara maju dan negara sedang membangun.

Dr Mahathir berkata adalah diramalkan bahawa dalam tempoh satu dekad, ASEAN akan muncul sebagai Asia Tenggara yang mempunyai matlamat yang satu dan berkongsi wawasan ekonomi yang sama untuk menjadikan rantau ini syurga bagi pelabur dan perniagaan.

"Penyesuaian perlu dibuat terhadap cara pelabur dan firma beroperasi di rantau ini dan di bawah iklim perdagangan dan perindustrian yang baru,

mereka perlu lihat Asean sebagai satu pasaran yang besar dan penempatan semula mereka bukan sahaja untuk kepentingan sebuah negara Asean tertentu sahaja," katanya.

Cabaran besar kepada Asean ialah mengekalkan keterbukaan perdagangan antarabangsa, katanya.

"Memandangkan sistem perdagangan terbuka merupakan faktor utama yang membantu pembangunan di rantau Asean, demi kepentingan Asean adalah perlu suasana perdagangan global terbuka diteruskan bagi menyediakan satu rangka kerja yang kondusif supaya rantau ini dapat mengekalkan dan seterusnya meningkatkan usaha meliberalisasi," katanya.

Dr Mahathir berkata anggota-anggota baru Asean, Laos dan Myanmar, dan mungkin Kemboja yang akan masuk kemudian, akan menawarkan para pelabur banyak peluang ekonomi di rantau yang bersepadu ini.

Ketika itu, beliau berkata akan wujud kerjasama Asean yang lebih rapat dalam bidang pengangkutan, tenaga dan komunikasi, pembangunan infrastruktur, sains dan teknologi, pertanian serta pemeliharaan alam sekitar.

"Dengan imej Asean yang baru dan penduduk hampir 500 juta orang, rantau ini akan menjadi satu pasaran yang besar bagi pelabur dan perniagaan pada masa akan datang," katanya dan menambah bahawa Asean juga merupakan satu rantau yang menarik dengan pengaliran silang pelaburan dari luar dan di dalam Asean sendiri.

Katanya kerjasama ekonomi Asean telah membawa kepada kejayaannya dan ini berlaku kerana negara-negara Asean cepat belajar dari satu sama lain mengenai pelmbangunan ekonomi.

"Kejayaan ini telah dicapai menerusi usaha negara individu meskipun suasana yang aman dan perundingan kerap yang diadakan turut menyumbang ke arah itu. Namun begitu kejayaan yang hampir sama telah dicapai dengan Singapura, Malaysia, Thailand dan Indonesia muncul antara 22 buah negara perdagangan utama," katanya.

Mengenai Forum Perniagaan ASEAN-Asia Timur, beliau berkata ia menyediakan saluran bagi mereka yang terlibat dalam industri pembuatan bertemu dan berbincang serta berkongsi pengalaman antara satu sama lain dalam memajukan IKS di negara masing-masing.

Katanya ia meningkatkan lagi hubungan perindustrian antara Asean dan negara Asia Timur terutama dengan kenyataan bahawa Asean dan negara-negara Asia Timur sememangnya menjadi kunci bagi memperkukuhkan hubungan ekonomi antara global.

Forum itu dan Asean SMI Showcase 1997 dianjurkan oleh Malaysia dengan kerjasama Sekretariat Asean dan Kerajaan Jepun menerusi Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro). --BERNAMA

ARA oba